

PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG THE 11TH PERAK IRON BOUND EDISI LENGGONG (IB EDISI LENGGONG)

BIL	PERATURAN DAN PERUNDANGAN PERLUMBAAN	STATUS
1	<u>PERATURAN AM</u>	
1.	Setiap ahli pasukan WAJIB membawa sendiri ANTIGEN RAPID TEST KIT (RTK-Ag) , untuk diserahkan pemeriksaan oleh Paramedik di “Event Center” sebelum proses pendaftaran pasukan.	COMP
2.	Setiap ahli pasukan WAJIB menunjuk bukti vaksinasi lengkap 2 dos daripada paparan MySejahtera.	COMP
3.	Setiap pasukan DINASIHATKAN datang sehari lebih awal untuk penyesuaian lokasi	COMP
4.	Pendaftaran (Front Desk Counter) akan di buka pada 17 Disember 2021, bermula jam 10 pagi hingga 06 petang sahaja (sila rujuk lampiran tentatif acara)	COMP
5.	Adalah di maklumkan, fasal-fasal PERUNDANGAN dan PERATURAN IB Edisi Lenggong sebelum dan semasa perlumbaan BOLEH di buat penambahan, di kurangkan dan di pinda oleh penganjur.	COMP
6.	Berpasukan dua (2) orang (TEAM OF TWO) – kategori terbuka lelaki (2 orang lelaki) kategori terbuka campuran (1 lelaki dan 1 wanita), untuk klasifikasi TUMPO (Elit) dan JENOH (Adventure)	UR
7.	Kelas TUMPO perlumbaan yang mengambil masa 12 jam tanpa henti (winning time)	COMP
8.	Kelas JENOH perlumbaan yang mengambil masa 5 jam tanpa henti (winning time)	COMP
9.	Mana-mana pasukan yang LEWAT 1 JAM tiba di garisan permulaan, selepas perlepasan (Flag Off), pasukan tersebut TIDAK DIBENARKAN menyertai perlumbaan.	OR
10.	Perlumbaan IB Edisi Lenggong di pertandingan berformatkan navigasi “full navigation”, tiada “route marking” secara khusus.	COMP
11.	Perlumbaan IB Edisi Lenggong, tidak mempunyai “marshal perlumbaan” secara khusus.	
12.	Setiap pasukan WAJIB tiba di kesemua “checkpoint”(CP’s) yang telah di ditetapkan didalam perlumbaan, gagal berbuat demikian pasukan berstatus	COMP
13.	“CUT OFF TIME” (COT) , setiap pasukan yang tidak melepasi COT yang telah di ditetapkan, pasukan tersebut akan dihentikan perlumbaan serta merta di CP’s atau TA’s yang mana berhampiran	UR
14.	Setiap ahli pasukan WAJIB tiba bersama di setiap “checkpoint” CP’s, sebelum merekodkan ketibaan di mana-mana CP’s	COMP
15.	Setiap pasukan WAJIB bermula bersama, berlumba dan tamat bersama	UR
16.	Setiap ahli pasukan DILARANG meninggalkan rakan sepasukan dengan jarak 50 meter , jika ianya berlaku, pasukan tersebut akan berstatus	UR
17.	Setiap pasukan akan diberi “MAP DAN INFO PERLUMBAAN” , seandainya kehilangan semasa perlumbaan, menyebabkan pasukan berstatus	OR
18.	Setiap ahli pasukan dikehendaki MEMBACA FAHAM dan WAJIB menandatangani borang “Event Assumption Risk and Liability”.	COMP

19.	Pertandingan IB Edisi Lenggong, tertakluk kepada peraturan pematuhan SOP dari MKN, KBS dan SOP dalaman penganjur, setiap pasukan WAJIB mematuhi garis panduan yang telah di tetapkan sebelum, semasa dan selepas kejohanan, gagal berbuat demikian akan berstatus	COMP
20.	Setiap ahli pasukan WAJIB memakai pelitup muka (<i>Face Mask</i>) semasa taklimat perlumbaan (<i>race briefing</i>) dan sebelum perlepasan atau berada di kawasan perlepasan (<i>flag off area</i>), setiap ahli pasukan DIBENARKAN menanggalkan pelitup muka (<i>face mask</i>) selepas perlepasan dan semasa perlumbaan.	COMP
2	<u>PERATURAN PEMAKAIAN RACE BIB</u>	
1.	Setiap pasukan WAJIB memakai sepenuhnya RACE BIB dari bermulanya perlumbaan sehingga tamat, melainkan di arahkan berhenti dari perlumbaan atas sebab-sebab yang di telah di tetapkan oleh Pengarah Perlumbaan (RD), gagal berbuat demikian, pasukan tersebut berstatus.	OR
2.	Setiap pasukan WAJIB memakai RACE BIB di luar dan pastikan tidak di lindungi oleh bag atau PFD pelumba.	COMP
3.	Pasukan atau mana-mana ahli pasukan yang menghilangkan RACE BIB semasa perlumbaan, pasukan tersebut akan di berhentikan perlumbaan di Transition Area (TA's) atau Checkpoint (CP's) yang mana berhampiran.	OR
4.	Pastikan nombor RACE BIB pasukan anda sama di data kaunter pendaftaran, sebelum beredar dari lokasi pendaftaran.	COMP
3	<u>PERATURAN PEMAKAIAN HELMET</u>	
1.	Pelumba hanya DI BENARKAN menggunakan (Bike Helmet) atau (Climbing Helmet) yang mempunyai piawaian " <i>CE Certification</i> " sahaja	COMP
2.	Pelumba perlu membawa helmet bersama-sama ketika berlumba sehingga ke garisan penamat	COMP
3.	Pelumba DI BENARKAN untuk tidak memakai helmet ketika disiplin yang tidak melibatkan " <i>high roping</i> " dan " <i>mountain biking</i> ", pemakaian helmet di sepanjang perlumbaan adalah amat di galakkan.	COMP
4.	Meminjam helmet semasa disiplin " <i>high roping section</i> " adalah DI LARANG .	UR
4	<u>PERATURAN "HIGH ROPING SECTION"</u>	
1.	Setiap pasukan WAJIB MERUJUK perincian jadual " <i>Sample Mandatory Equipment</i> " di dalam laman web www.meoscmalaysia.com	COMP
2.	Setiap pasukan WAJIB melalui pemeriksaan dan ujian kemahiran (<i>skill testing</i>) yang telah di tetapkan oleh penganjur	COMP
3.	Setiap pasukan WAJIB menerima dan mematuhi arahan daripada "Unit Riggers" di " <i>high rope section</i> " untuk langkah keselamatan, pasukan yang tidak mematuhi arahan, akan berstatus	OR
4.	Ahli pasukan yang tidak lengkap peralatan " <i>climbing gears</i> " (kelas TUMPO), menyebabkan pasukan tersebut TIDAK DIBENARKAN melaksanakan disiplin, walaubagaimanapun, pasukan tersebut DI BERI KEBENARAN untuk mencari peralatan tersebut, tanpa menghentikan masa perlumbaan, gagal akan berstatus.	UR
5.	Konsep " <i>give away</i> ", pasukan yang tiba dahulu di " <i>High Rope Section</i> " akan di beri kebenaran melakukan disiplin terlebih dahulu, pasukan yang lewat tiba WAJIB menunggu giliran untuk seterusnya, melainkan jika terdapat	COMP

	“access line” tambahan.	
	6. Keselamatan setiap pasukan dan ahli pasukan merupakan keutamaan paling maksima oleh penganjur	COMP
5	<u>ETIKA PERLUMBAAN</u>	
	1. Setiap pasukan WAJIB menghormati tradisi, sosio dan kebudayaan penduduk tempatan	COMP
	2. Setiap pasukan hendaklah menghargai petugas-petugas kejohanan.	COMP
	3. Lokasi untuk SOLAT FARDHU akan di sediakan oleh penganjur di TA’s dan CP’s yang terpilih.	
	4. Setiap pasukan DI LARANG mencedera atau membunuh haiwan, memotong pokok, membakar dan membuang sampah atau yang seumpama dengannya.	COMP
	5. Setiap pasukan WAJIB memahami dan praktikkan peraturan lalu lintas, ketika menyeberangi jalan atau tujuan yang seumpama dengannya.	OR
	6. Penganjur BOLEH menghentikan perlumbaan sekiranya berlaku cuaca buruk, ribut dan yang seumpama dengannya.	
	7. Penganjur BOLEH untuk mengubah peraturan atau memendekkan laluan perlumbaan (short course).di atas faktor keselamatan pelumba	COMP
	8. Penganjur BOLEH untuk membatalkan mana-mana disiplin semasa perlumbaan di atas faktor keselamatan	
	9. Setiap pasukan DI LARANG untuk mendapat bantuan daripada penduduk setempat, pasukan sokongan, marshal atau mana-mana agensi, melainkan di dalam keadaan kecemasan (emergency response)	
	10. Setiap pasukan TIDAK DI BENARKAN menggunakan sokongan perlumbaan kenderaan seperti motor, kereta, bot atau bantuan dari luar seperti basikal dan yang seumpama dengannya.	OR
	11. Setiap pasukan WAJIB mempunyai semangat kesukanan yang tinggi, DI LARANG sabotaj pasukan lain sebelum, semasa dan selepas perlumbaan	OR
6	<u>PERATURAN DISIPLIN YANG MELIBATKAN AIR</u>	
	1. Setiap pasukan WAJIB memakai PFD di setiap disiplin yang melibatkan air atau seumpama dengannya, gagal pasukan akan berstatus.	UR
	2. Setiap pasukan DI LARANG menggunakan atau meminjam PFD dari pasukan yang lain	UR
	3. Setiap pasukan atau ahli pasukan yang kehilangan PFD, DI LARANG meneruskan disiplin tersebut	UR
	4. Setiap pasukan WAJIB memakai race bib di luar PFD	
	5. Setiap pasukan WAJIB bertanggung jawab untuk menjaga peralatan yang di sediakan oleh penganjur dari di salah guna dan kerosakan	OR
7	<u>PERALATAN YANG DI LARANG SEMASA PERLUMBAAN</u>	
	1. Setiap pasukan TIDAK DIBENARKAN menggunakan peranti GPS, termasuklah aplikasi atau peranti yang menunjukkan lokasi pelumba semasa perlumbaan.	OR
	2. Setiap pasukan TIDAK DIBENARKAN menggunakan aplikasi pemetaan terbuka (Google Map) atau yang seumpama dengannya, semasa perlumbaan	OR
	3. Setiap pasukan TIDAK DIBENARKAN menggunakan aplikasi jarak (<i>smart watch dan cycle computers di benarkan</i>)	OR
	4. Setiap pasukan TIDAK DIBENARKAN menggunakan walkie talkie, aplikasi	OR

	alat perhubungan komunikasi, akses internet (<i>termasuk telepon kecemasan</i>)	
	5. Setiap pasukan TIDAK DIBENARKAN menggunakan peta luar, selain daripada peta perlumbaan yang telah di sediakan oleh penganjur untuk perlumbaan.	OR
	6. Setiap pasukan DI LARANG menggunakan " <i>Firearms, Night / Nocturnal Vision Devices</i> "	OR
8	<u>PROTES DAN BANTAHAN</u>	
	1. Juri pengandil akan bermesyuarat untuk menentukan status protes atau bantahan	
	2. Pengarah Perlumbaan merupakan ketua juri di bantu oleh Pengarah Teknikal Perlumbaan.	
	3. Bantahan hanya boleh dibuat terhadap keputusan penganjur tentang aduan. Bantahan tidak boleh dibuat tanpa membuat aduan terlebih dahulu.	COMP
	4. Keputusan juri adalah muktamad , rayuan hanya boleh dibuat terhadap keputusan juri jika terdapat kesilapan prosedur Setiap bantahan perlu di isi di dalam borang khas yang di sediakan oleh penganjur	COMP
	5. Setiap bantahan perlu di buat selepas 30 minit selepas keputusan rasmi di keluarkan oleh penganjur	COMP
	6. Yuran di kenakan sebanyak RM 100 untuk setiap bantahan, dengan borang yang berasingan.	COMP
9	<u>KECEMASAN (EMERGENCY RESPONSE)</u>	
	1. Setiap pasukan atau ahli pasukan yang mengalami situasi kecemasan dan disahkan oleh PARAMEDIK KEJOHANAN atau PENGARAH PERLUMBAAN, atau PENGARAH TEKNIKAL, maka pasukan tersebut secara automatik DI LARANG meneruskan perlumbaan.	COMP
	2. Setiap pasukan WAJIB menyediakan (<i>1x Cell Phone</i>) untuk tujuan talian kecemasan (<i>sealed phone</i>), pasukan hanya di benarkan menggunakannya apabila di dalam situasi kecemasan sahaja.	COMP
	3. Jika berlaku sebarang situasi kecemasan, setiap pasukan perlu mendapat bantuan dari CP's atau TA's yang paling hampir.	COMP
	4. Jika terdapat mana-mana pasukan yang ingin menarik diri dari perlumbaan (<i>out of race</i>), pasukan tersebut WAJIB ke TA's atau CP's yang berhampiran, dan lapurkan kepada marshal yang bertugas	COMP
	5. Pengesahan dan keputusan perubatan hanya boleh di buat oleh Paramedik dan Pegawai Perubatan yang di lantik oleh penganjur sahaja	COMP
10	<u>PERANTI PERLUMBAAN (RACE DEVICE)</u>	
	1. <u>Perlumbaan IB Edisi Lenggong akan menggunakan peranti dari aplikasi QR Code, yang akan merekodkan data di setiap CP's, dan juga merekodkan masa perlumbaan setiap pasukan secara "off line" (penganjur akan memberi taklimat cara penggunaan sistem "software" aplikasi ini)</u>	
	2. <u>Aplikasi ini akan menggunakan telepon bimbit yang akan di sediakan sendiri oleh setiap pasukan</u>	
	3. <u>Setiap pasukan perlu membawa bersama "power bank" yang sudah dicas penuh dan juga plastik kalis air untuk melindungi telepon</u>	

FASAL TINDAKAN

01	COMP	COMPULSORY	WAJIB MEMATUHI PERUNDANGAN DAN PERATURAN TERSEBUT, GAGAL MEMATUHI MEMBOLEHKAN AHLI PASUKAN ATAU PASUKAN TERSEBUT DI KENAKAN TINDAKAN PERKARA (1) ATAU (2).
02	OR	OUT OF RACE	PASUKAN TERSEBUT DI KEHENDAKI MEMBERHENTIKAN PERLUMBAAN SERTA-MERTA OLEH PENGARAH PERLUMBAAN ATAU PENGARAH TEKNIKAL PERLUMBAAN, DAN PERLU MELAPORKAN KE CP's ATAU TA's YANG BERHAMPIRAN, "OUT OF RACE" BOLEH DENGAN BERALASAN TIDAK MAMPU UNTUK MENERUSKAN PERLUMBAAN, MENARIK DIRI (WITHDRAWL), KECEDERAAN YANG TELAH DI SAHKAN OLEH PARAMEDIK DAN PEGAWAI PERUBATAN ATAU MELANGGARI FASAL PERUNDANGAN DAN PERATURAN YANG TELAH DITETAPKAN
03	UR	UNRANKED	PASUKAN TERSEBUT DI BENARKAN UNTUK MENERUSKAN PERLUMBAAN TETAPI TIDAK TERSENARAI DIDALAM "PLACING" PERLUMBAAN, FASAL TERSEBUT BERALASAN TIDAK MELEPASI "CUT OFF TIME", DI ARAHKAN "SHORT COURSE" ATAU DI ARAHKAN UNTUK MELANGKAU (SKIP) DISIPLIN, IANYA TERTAKLUK KEPADA KESESUAIAN TINDAKAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN YANG TELAH DITETAPKAN.

DI SEDIAKAN OLEH

SEKRETARIAT TEKNIKAL PERLUMBAAN